

(R)

SEJARAH PERLOMBONGAN
DAERAH DUNGUN,
1910 - 1971

Oleh

GHAZALI BIN TAIB

DESERTASIINI UNTUK MEMENUHI
SYARAT BAGI MENDAPAT
IJAZAH SARJANA SASTERA

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511567861

02

KANDUNGAN

	HALAMAN
DAFTAR SINGKATAN KATA	ii
PENGHARGAAN	iv
PRAKATA	vii
BAB 1 . . . PENDAHULUAN	1 - 49
BAB 2 : LATAR BELAKANG SEJARAH PERLOMBONGAN TERENGGANU	50 - 82
BAB 3 : KEGIATAN PERLOMBONGAN 1910 HINGGA 1945	83 - 124
BAB 4 : PENGLIBATAN SYARIKAT BRITISH DARI TAHUN 1945 HINGGA 1971	125 - 158
BAB 5 : KEMEROSOTAN, PENUTUPAN DAN KESAN	159 - 227
BAB 6 . . . KESIMPULAN	228 - 235
BIBLIOGRAFI	234 - 259
LAMPIRAN	260 - 288
i. PETA	279 - 282
ii. RAJAH	283 - 284
iii. GAMBAR	285 - 288

DAFTAR SINGKATAN KATA

ANM	-	Arkib Negara Malaysia
AR	-	Annual Report
ARCLMT	-	Annual Report Commissioner of Land and Mines Terengganu
ARDIC	-	Annual Report Department of Industry and Commerce
ARFM	-	Annual Report for the Federation of Malaya
ARSEPT	-	Annual Report on the Social and Economic Progress Terengganu
BAT	-	British Adviser Terengganu
Bil	-	Bilangan
Bt	-	Bukit
Cet	-	Cetakan
CLMT	-	Commisioner of Land and Mines, Terengganu
DSFM	-	Department of Statistic, Federation of Malaya
EMMCO	-	Eastern Mining and Metal Company
FELCRA	-	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FELDA	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GGST	-	Government Gazette for the State of Terengganu
HICOM	-	Perbadanan Industri Berat Malaysia
Hj.	-	Haji
Hjh.	-	Hajjah
Hlm.	-	Halaman
Ibid	-	Ibiden (pada tempat yang sama)
Jil.	-	Jilid
JMBRAS	-	Journal of the Malaya Branch of the Royal Asiatic Society
KETENGAH	-	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
Kg	-	Kampung
K.K	-	Kuasa Kuda

KPLB	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
M.K	-	MIKRO Filem
C.O	-	Colonial Offices
LKTP	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
LLN	-	Lembaga Letrik Negara
LOK	-	Land Office Kemaman
MSBFM	-	Monthly Statistical Bulletin of Federation of Malaya
NMC	-	Nipon Mining Corporation
Op.Cit	-	Opera Citato (dalam karya tersebut)
PAS	-	Parti Islam seMalaysia
PETRONAS	-	Petroleum Nasional
PMINT	-	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu
Prof.	-	Profesor
PTG	-	Pejabat Tanah dan Galian
RFFAFM	-	Report on the Federal Forest Administration, Federation of Malaya
SEDC	-	State Economic Development Corporation
SG	-	Special Grade
SS	-	Skim Sambilan
SUKTr	-	Setiausaha Kerajaan Terengganu
TDMB	-	Terengganu Development and Management Berhad
Tr.	-	Terengganu
UMNO	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri
Y.A.B	-	Yang Amat Berhormat

PENGHARGAAN

Segala puji dan hadrat Allah s.w.t kerana limpah kudrat dan hidayahnya, maka dapatlah juga pengkaji menyiapkan kajian ilmiah ini yang bertajuk **Sejarah Perlombongan di Daerah Dungun 1910 – 1971**. Selawat dan salam juga ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w , para sahabat serta para pengikut yang mengikuti jejak langkah Baginda dengan baik sehingga ke hari kesudahan.

Pengkaji pertama sekali ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Abdullah Zakaria Ghazali selaku penyelia pertama yang telah berjaya menyuntik semangat mendorong pengkaji meneruskan penyelidikan dalam bidang pengsejarahan. Beliau begitu ikhlas dan jujur memberi tunjuk ajar khususnya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Penulis merasakan beliau bagaikan simbol kekuatan kepada jiwa ini bagi meneruskan penyelidikan dalam bidang sejarah khususnya sejarah Malaysia. Penulis yakin dengan sokongan dan dorongan daripada Prof. Abdullah Zakaria Ghazali, penulis berupaya membongkar lebih banyak rahsia sejarah tanah air khususnya sejarah Negeri Terengganu. Prof. Abdullah selaku orang yang bertanggungjawab membentuk penulis dalam bidang pengsejarahan telah berjaya membangkitkan rasa hormat tiada terhingga penulis kepada beliau. Hanya Allah sahaja yang mengetahui dan dapat membalaunya. Penulis merasa begitu terhutang budi kepada Prof. Abdullah atas nasihat beliaulah penulis sedar tentang kepentingan sejarah kepada negara. Pengkaji hampir-hampir meneruskan kajian dalam bidang pendidikan. Justeru itu, pengkaji akan mengenang kesungguhan dan keikhlasan Prof. Abdullah sepanjang hayat.

Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Adnan Haji Nawang yang turut menyelia serta memberi sokongan moral untuk penulis meneruskan

kajian dalam bidang pengsejarahan ke peringkat tertinggi. Prof Madya Adnan banyak memberikan bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Pengkaji mendapat beliau begitu ikhlas memberikan bimbingan kepada para pelajarnya. Ketegasan dan pandangan jauhnya dalam pentafsiran sejarah amat dihargai oleh pengkaji. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada semua pensyarah di Jabatan Pengajian Sejarah serta semua kakitangan Universiti Malaya di atas kerjasama yang telah diberikan kepada pengkaji.

Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Encik Yusuf Abdullah yang memberi kesempatan kepada penulis mengikuti carigali bahan-bahan purba di negeri Terengganu. Beliau pernah menjadi guru sejarah kepada penulis semasa menuntut di Pusat Pendidikan Yayasan Islam Terengganu pada tahun 1982. Begitu juga kepada kakitangan pejabat Daerah Dungun yang banyak memberikan kerjasama dan sokongan kepada pengkaji. Terima kasih juga kepada semua kakitangan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, kakitangan Pejabat Dewan Perundangan Negeri Terengganu, Syed Omar, bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Haji Awang Jabar, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Besi, Tan Sri Wan Mokhtar Wan Ahmad, bekas Menteri Besar Terengganu, Dato' Abu Bakar Daud bekas Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan bekas Menteri Pertanian, Dato' Abdul Manan Osman. Tidak dilupakan juga kepada ahli-ahli Persatuan Sejarah, kakitangan Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Cawangan Terengganu, kakitangan Pejabat Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu, kakitangan Pejabat KETENGAH, kakitangan Perpustakaan Awam Kuala Terengganu dan orang – orang perseorangan yang telah membantu penulis dalam menyiapkan disertasi ini.

Kepada keluarga tersayang, terima kasih tidak terhingga di atas sokongan dan galakan yang berterusan. Keperitan dan kesulitan pengkaji semasa membuat kajian bagai tidak terasa kerana kerjasama yang diberikan tanpa berbelah bahagi

Akhir kata, pengkaji sekali lagi mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang memberi kerjasama. Semoga Tuhan sahaja dapat membalas segala kebaikan dan keikhlasan semua. Wassalam

Sekian, terima kasih.

Salam hormat.

Ghazali b Taib,

Jabatan Pengajian Sejarah,

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Malaya

Jun 2002.

160, Perumahan Tok Randok

21800, Ajil, Hulu Terengganu

Terengganu Darul Iman.

PRAKATA

Terengganu seperti juga negeri-negeri lain banyak menyimpan sejarahnya yang tersendiri. Dalam bidang ekonomi masyarakat lebih mengenali Terengganu dalam bidang perikanan dan pertanian. Adalah terlalu sedikit yang mengetahui Terengganu pernah menjadi pengeluar bahan galian yang agak penting di negara kita pada suatu ketika dahulu. Namun begitu ia kurang diberi liputan. Kehebatannya dalam pengeluaran galian terutama bijih timah, wolfram, emas dan bijih besi tidak dapat dinafiskan sama sekali. Sektor perlombongan di Terengganu berbeza dengan negeri lain di pantai barat. Di Terengganu, kegiatan perlombongan banyak diterokai oleh orang Melayu terutama perlombongan bijih timah dan emas secara kecil-kecilan sehingga tahun 1910.

Kemasukan pelombong luar terutama orang Cina, Jepun dan British hanya bermula selepas 1910. Perjanjian Bangkok 1909 bermula satu perubahan baru kepada Negeri Terengganu dalam pentadbiran. Setelah penasihat British dilantik, pelabur luar mula datang untuk mengusahakan perusahaan perlombongan secara besar-besaran. Mereka menaruh keyakinan di atas keselamatan pelaburan mereka apabila British terlibat dalam pentadbiran Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, masyarakat Terengganu masih menjadi kumpulan majoriti yang terlibat dalam sektor perlombongan baik sebagai pengusaha maupun sebagai pekerja. Selepas tahun 1921, kemasukan Nippon Mining Company Ltd (NMC) telah mengurangkan penglibatan orang Melayu sebagai pengusaha lombong mula terhakis sedikit demi sedikit.

Memandangkan kegiatan perlombongan di daerah Dungun sudah lama berlaku adalah teramat sukar untuk melihat kesannya secara jelas. Kajian ini bertujuan untuk mengesan kawasan sebenar aktiviti perlombongan yang berlaku pada tahun 1910 hingga 1971. Bagi memastikan lokasinya penulis telah membuat penjejakan ke kawasan perlombongan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk memberi satu kenyataan tepat dari segi kedudukan kawasan lombong agar memudahkan generasi akan datang mengetahui dan mengenalinya tentang sejarah perlombongan daerah Dungun.

Kajian ini juga memaparkan kaedah perlombongan yang dijalankan mengikut zaman-zamannya. Pada peringkat awal kita dapati kaedah yang digunakan oleh orang Melayu sangat tradisional iaitu menggunakan cangkul dan dulang sahaja. Kehadiran NMC dan EMMCO merubah kaedah perlombongan di daerah Dungun daripada kecil-kecilan kepada berskil besar. Pengkaji juga memaparkan kesan pembukaan lombong kepada daerah Dungun diikuti faktor kemerosotan dan kesan penutupannya. Khususnya lombong bijih besi. Akhir sekali penulis membuat satu kesimpulan daripada kegiatan perlombongan di daerah Dungun.

Daerah Dungun menjadi pilihan pengkaji adalah berdasarkan kepentingannya kawasan sumbangan ekonomi terhadap negeri Terengganu. Dungun juga satu-satunya kawasan di Terengganu menjadi pengeluar utama bahan galian bijih besi, timah, wolfram dan emas. Bagi kawasan lain seperti Kemaman cuma terkenal sebagai pengeluar bijih timah sahaja dan begitu juga daerah Besut.

Dalam usaha membuat penyelidikan terhadap tajuk ini, pengkaji telah membahagikan kepada enam bab. Pada bab pertama lebih difokuskan kepada pengenalan kajian. Pengkaji menjelaskan permasalahan kajian yang dihadapi seperti kekurangan rekod bertulis dan kesan-kesan sejarah yang terhapus akibat pembangunan. Pengkaji juga memaparkan objektif kajian. Selain daripada itu, pengkaji cuba mengesan beberapa kawasan perlombongan yang terlibat seperti Paka, Bukit Lentor, Kuala Jengai, Pasir Raja dan Bukit Besi. Di samping itu pengkaji sedaya upaya menjelaskan lombong-lombong yang tinggal. Pengkaji juga menjelaskan sejarah awal kawasan-kawasan yang terlibat. Dalam bab ini jug tidak ketinggalan menghuraikan kaedah kajian yang dilakukan.

Bab kedua pengkaji cuba menyelami sejarah awal perlombongan negeri Terengganu. Kajian memulakan dengan sejarah pembentukan daerah-daerah baru di Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan semasa campurtangan British. Dalam bab ini juga kita akan temui sejarah asal-usul daerah Dungun dan sedikit sejarah awal perlombongan di Terengganu.

Bagi bab ketiga kegiatan perlombongan di daerah Dungun bermula. Penulis menumpukan kajian dari tahun 1910-1945. Dalam bab ini kita temui sejarah perlombongan di Paka, Bukit Lentor dan Pasir Raja. Nampaknya fokus utama adalah terhadap perlombongan Bukit Besi yang dilakukan oleh NMC.

Bab keempat, pengkaji memperlihatkan penglibatan syarikat-syarikat British yang mengambil alih lombong dari tahun 1945-1971. Penulis membuat penelitian kepada kaedah perlombongan dan pentadbiran EMMCO.

Bab kelima pengkaji menyentuh soal-soal kemerosotan, penutupan dan kesan semasa dan selepas penutupan loombong besi. Dalam bab ini merangkumi kepentingan lombong besi dari segi ekonomi dan sosial masyarakat Terengganu dan Dungun khususnya. Dalam bab ini juga terdapat satu analisis sejarah dari sudut nilai warisan sektor perlombongan pada generasi akan datang

Akhir sekali pada bab ke enam pengkaji membuat kesimpulan terhadap keseluruhan kajian yang meliputi semua aspek yang berkaitan dengan perlombongan di daerah Dungun baik secara langsung maupun tidak langsung.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejarah awal perlombongan di daerah Dungun dari awal tahun 1910 hingga 1971. Penekanan diberi kepada mengesan aktiviti perlombong, kaedah dan kesan kewujudannya. Bab pertama memperkenalkan sejarah awal Dungun dan kawasan-kawasan perlombongan. Bab ini juga menerangkan secara terperinci keadaan awal kawasan kajian iaitu kawasan Paka, Bukit Lentor, Bukit Besi, dan Pasir Raja yang berkait rapat dengan perlombongan bijih timah dan wolfram. Bab kedua memperlihatkan perlombongan di negeri Terengganu terutamanya di kawasan Kemaman yang berkait rapat dengan daerah Dungun. Di dalam bab ini juga, diceritakan tentang peranan yang dimainkan oleh Sultan Zainal Abidin III yang memberi galakan dalam penerokaan sektor perlombongan. Bab ketiga menerangkan secara khusus tentang perlombongan di daerah Dungun dan bagaimana bermulanya pembukaan lombong besi di kawasan Bukit Besi. Selain itu, bab ini menjelaskan penglibatan Nippon Mining Company Ltd (NMC) dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak NMC dalam perlombongan bijih besi. Bab keempat berkisar kepada penglibatan syarikat British iaitu Eastern Mining and Metal Company (EMMCO). Syarikat ini memperlihatkan kecekapan dalam pentadbirannya serta penggunaan kaedah yang lebih moden dalam perlombongan besi. Bab kelima menceritakan kemerosotan, penutupan dan kesan perlombongan di daerah Dungun dan faktor-faktor yang membawa kepada penutupan lombong khususnya lombong besi. Bab keenam merupakan bab terakhir menyimpulkan perbincangan dari bab-bab di atas.

ABSTRACT

The main objective of this research is to study the history of mining industry which was operated as early as 1910 up to 1971, in the district of Dungun. This research was focused on the activities and methods being done and how it was operated in that area.

In the first phase it will introduce the early history of the small district, known as Dungun and the mining areas which operated around it. This chapter will also emphasise thoroughly about the 'mining areas' such as Paka, Bukit Lendor, Bukit Besi and Pasir Raja which are closely related to the tin ore industry and wolfram.

The second chapter, will focus on the mines activity in Terengganu, especially in Kemaman which also will describe the role that was played by the Sultan Zainal Abidin III, which initiated the locals to take part in the mines industry.

The third chapter, will specifically describe of how the mines activity being operated in Bukit Besi. Additional to that it also will tell of how the involvement of Nippon Mining Company Ltd and the methods which were used by the company in their operation.

The fourth chapter will stress of how the British Company, named Eastern Mining and Metal Company (EMMCO) Their company will emphasize the smooth in their management and also the more sophisticated method being used in the iron ore industry.

And in the fifth chapter, will see of how the downfall and the impact of the closed down of the company to the growth of the economic development to the people of Dungun.

In the sixth chapter, will analyse the major points that were elaborated from the previous chapters.